

Nama: Kelas :

SULIT
011
Bahasa Melayu (SK)
1 Jam
Set 1

**JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PROGRAM CANANG
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAK NDSK
2001**

BAHASA MELAYU (SK)
Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **50 soalan**. Jawab **semua** soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Cara menjawab adalah seperti di bawah ini.*

Contoh Soalan:

Ali menulis namanya pada buku dengan

- A** pembaris
- B** pemadam
- C** pensel
- D** kapur

*Jawapan yang betul bagi contoh soalan ialah **pensel** dan hurufnya ialah **C**.
Lihat Contoh pada kertas jawapan yang diberi. Ruangan bagi huruf **C** telah dihitamkan.*

4. *Bagi **satu** soalan hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
 5. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
-

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Antaranya satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu, Kemudian, pada kertas jawapan kamu, hitamkan ruangan yang mempunyai huruf yang sama dengan pilihan jawapan yang telah kamu pilih itu.

Soalan 1 hingga soalan 5

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Rumah batu dua tingkat itu benar-benar sepi bagaikan rumah yang baru ada kematian. Ini sungguh mencemaskan Murni. Serta merta dia memandangi wajah ibunya yang berbaring di katil buruk tidak jauh dari bangku duduknya. Ibunya belum lagi. Memang susah ibu tua itu melelapkan mata. Kadang-kadang hingga hampir pagi baru dia memejamkan mata. Penyakit itu baru sahaja menimpa ibu Murni. Bermacam-macam masalah bersarang dalam otak gadis kecil ini. Persoalan-persoalan yang sedia ada belum lagi dapat diselesaikannya.

Otaknya sedang bekerja keras, bagaikan hendak pecah tempurung kepalanya. Soal berhenti sekolah dan mencari kerja sebagaimana yang dicadangkan oleh Mak Atun, orang gaji Encik Haris yang baru itu sudah diputuskan. Namun hatinya berat untuk meninggalkan tangga Maktab Melayu yang mempunyai sejarah dalam hidupnya. Keadaan memaksa dia membuat keputusan itu kerana kesihatan ibunya amat memerlukan pengorbanan daripadanya. Dia sakit sekarang. Dia memerlukan ubat. Dia memerlukan makanan yang baik-baik. Dia memerlukan rehat secukupnya.

Inilah yang menyebabkan Murni selalu mencurahkan air mata dan bertekad untuk mencari kerja. Tetapi keputusannya itu belum disampaikannya kepada ibu. Dia bimbang ibunya yang sedang terlantar di katil usang di sudut bilik kecil rumah Encik Haris itu terkejut. Selama ini ibu tua itulah yang mendorong dia belajar supaya sampai ke universiti seperti anak-anak rumah itu.

“Kenapa mak belum tidur lagi?”

Ibu tua itu tersenyum nipis, kemudian menjawab, “Bukan aku sengaja tak mahu tidur, Murni.”

“Kurang tidur mengganggu kesihatan mak”.

“Emak terlalu banyak berfikir agaknya.”

“Entahlah, Murni. Mak ni sakit. Kau bersekolah. Mana mak nak mencari duit untuk belanjamu? Emak kasihan melihatmu. Emak sedih tak dapat memenuhi tanggungjawab emak”. Kata-kata itu mati di situ sahaja. Hatinya terbuku. Murni tunduk. Tidak disedarinya air jernih sudah membasahi pipinya. Entah kenapa sejak akhir-akhir ini air jernih yang panas itu mudah benar keluar. Kata-kata ibunya sungguh mengusik hati. Betapa mulianya hati ibu. Betapa besarnya pengorbanan ibu. Betapa luhurnya hati ibu.

Petikan novel *Badai Semalam*, Khadijah Hashim.

1. Di mana Murni dan ibunya tinggal?

- A Rumah pusaka ibunya
- B Bilik kecil rumah Haris
- C Bilik sewa berhampiran rumah Encik Haris
- D Rumah peninggalan ayahnya

- 2 Berikut adalah punca-punca ibu Murni sukar untuk melelapkan mata kecuali
- A memikirkan masalah Murni
 - B memikirkan penyakit yang dihadapinya
 - C memikirkan masalah kewangan yang dihadapinya
 - D takut akan kehilangan Murni
- 3 Pada pendapat anda, apakah tindakan Murni untuk mengatasi masalahnya, berpandukan teks
- A Meminjam wang dari Encik Haris
 - B Berhenti sekolah untuk bekerja
 - C Hanya berserah kepada Tuhan
 - D Mengambil alih tugas ibunya sebagai pembantu rumah di rumah Encik Haris
- 4 Berdasarkan petikan cerita, Murni adalah seorang yang
- A mementingkan diri sendiri
 - B mudah berputus asa
 - C berpendirian tegas
 - D bertanggungjawab
- 5 Rangkai kata sungguh mengusik dalam petikan di atas bermaksud
- A menyentuh perasaan
 - B memendam rasa
 - C mencuit hati
 - D mudah terasa hati

Soalan 6 hingga soalan 10

Baca surat kiriman di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Rahang,
70100 Seremban, NSDK,
Seremban.

15 April 2001

Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka,
71800 Nilai, NSDK,
Seremban.

Tuan,

Pertandingan Mengarang Antara Sekolah-Sekolah

Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Bahasa Sekolah Kebangsaan Taman Murni akan menganjurkan pertandingan mengarang peringkat sekolah rendah daerah Seremban. Pertandingan tersebut akan berlangsung pada 24 Mei 2001 bertempat di dewan sekolah ini.

2. Sehubungan itu, untuk makluman dan tindakan tuansaya dengan hormatnya menjemput seorang peserta Tahap Dua dari sekolah tuan untuk menyertai pertandingan ini.
3. Pihak penganjur akan menyediakan dua buah tajuk karangan untuk pertandingan tersebut. Tajuk-tajuk itu akan dimaklumkan semasa pendaftaran pada hari pertandingan. Masa yang diperuntukan untuk setiap peserta ialah selama 40 minit.
4. Peserta hanya dikehendaki membawa alat tulis sahaja. Keperluan-keperluan lain akan disediakan oleh pihak penganjur.
5. Pihak kami menyediakan hadiah-hadiah berupa wang tunai dan sijil penyertaan kepada pemenang yang berjaya. Hadiah-hadiahnya adalah seperti berikut, johan (rujuk Pn. Maznah-missing text) tunai sebanyak RM 50.00 dan sijil penyertaan, naib johan menerima RM 40.00 dan sijil penyertaan, tempat ketiga menerima RM 30.00 dan sijil penyertaan. Lima pemenang hadiah sugu hati pula akan menerima wang tunai sebanyak RM 10.00 setiap seorang beserta sijil penyertaan. Peserta yang tidak berjaya akan menerima sijil penyertaan sahaja.
6. Sila nyatakan persetujuan tuan berhubung dengan jemputan ini berserta dengan nama wakil dari sekolah tuan kepada setiausaha seminggu sebelum pertandingan. Kerjasama daripada pihak tuan sangat kami hargai.

Sekian, terima kasih.
Saya yang menurut perintah,

Nadia Husna
(NADIA HUSNA BT. KHALID)
Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu,
Sekolah Kebangsaan Taman Murni

- 6** Surat ini ditulis kepada
- A** Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Rahang
 - B** Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka
 - C** Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka
 - D** Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Rahang
- 7** Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A** untuk meminta Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka menyediakan tajuk karangan.
 - B** untuk menjemput wakil Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka mengambil bahagian dalam pertandingan mengarang.
 - C** Untuk menjemput wakil Sekolah Kebangsaan Rahang mengambil bahagian dalam pertandingan mengarang.
 - D** untuk memberitahu bahawa Sekolah Kebangsaan Desa Chempaka akan menganjurkan pertandingan syarahan.
- 8** Berikut adalah peserta yang layak menyertai pertandingan ini kecuali
- A** Murni Ismail, murid Tahun 5, Sekolah Kebangsaan Rahang.
 - B** Ahmad Danial Abdullah, murid Tahun 3, Sekolah Kebangsaan Chempaka.
 - C** Ganesh Rajan, murid Tahun 6, Sekolah Kebangsaan Rahang.
 - D** Kevin Lim, murid Tahun 4, Sekolah Kebangsaan Desa Permai, Seremban.
- 9** Berapakah jumlah wang tunai yang disediakan oleh pihak penganjur dalam pertandingan ini?
- A** RM 120.00
 - B** RM 150.00
 - C** RM 130.00
 - D** RM 170.00
- 10** Bilakah tarikh akhir untuk setiap sekolah menghantar surat persetujuan mereka menyertai pertandingan ini?
- A** 16 Mei 2001
 - B** 17 Mei 2001
 - C** 18 Mei 2001
 - D** 19 Mei 2001

Soalan 11 hingga soalan 15

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang dihormati Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Tuan Pegawai Pendidikan Daerah, yang Berusaha Yang Dipertua PIBG, guru-guru, para ibu bapa dan seterusnya para pelajar yang dikasihi sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua jemputan dan ibu bapa yang dapat hadir pada petang ini. Pertama sekali saya memohon maaf kerana Majlis Anugerah Cemerlang ini telah ditunda beberapa kali. Ini disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana akhirnya majlis ini dapat diadakan.

Para hadirin sekalian,

Sepanjang tahun ini Sekolah Kebangsaan kampung Budi telah mencapai banyak kejayaan sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Dalam Peperiksaan UPSR 2000 seramai 6 orang pelajar telah mendapat 5 A. Ini merupakan satu kejayaan yang besar kerana sejak 3 tahun kebelakangan ini pencapaian sekolah tidak begitu memberangsangkan.

Dalam bidang kokurikulum juga, sekolah telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Kita telah menyertai empat permainan iaitu bola sepak, bola jaring, badminton serta bola baling. Dalam permainan bola jaring dan badminton lelaki kita telah berjaya menjadi johan di peringkat daerah, manakala dalam permainan bola sepak dan bola baling pula kita telah berjaya mendapat tempat kedua di peringkat zon. Sementara itu, dalam pertandingan Pidato Diraja, wakil sekolah kita telah berjaya ke peringkat negeri. Sekolah juga turut mengambil bahagian dalam pertandingan Kuiz Kesihatan peringkat daerah dan berjaya menduduki tempat ketiga. Sesungguhnya kejayaan yang dicapai itu adalah hasil usaha dan kesungguhan para pelajar berlatih di samping tunjuk ajar dan bimbingan guru-guru di sekolah ini.

Para hadirin sekalian,

Seperti mana yang telah kita ketahui, hari ini merupakan hari yang amat bermakna untuk semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan akhir tahun baru-baru ini. Pada hari ini, kecermelangan mereka dalam pelajaran akan dihargai. Kepada murid-murid yang tidak berjaya, jangan berputus asa. Jadikan ini sebagai iktibar di masa akan datang. Akhir kata, selamat maju jaya kepada semua.

11 Ucapan di atas disampaikan oleh

- A** Ketua Murid
- B** Guru Penolong Kanan Kokurikulum
- C** Guru Penolong Kanan 1
- D** Guru Besar


12 Tujuan majlis itu diadakan adalah untuk

- A** (refer Pn Maznah)
- B** memberi penghargaan kepada murid-murid yang mendapat 5 A dalam UPSR
- C** menyampaikan anugerah kepada murid yang berjaya dalam permainan
- D** memberi penghargaan kepada wakil pertandingan Pidato Diraja

- 13 Kali terakhir mencapai kecemerlangan dalam UPSR Sekolah Kebangsaan Kampung Budi ialah pada tahun
- A 1999
B 1998
C 1997
D 1996
- 14 Perkataan iktibar dalam petikan di atas membawa maksud
- A pedoman
B teladan
C panduan
D ikutan
- 15 Berikut adalah pernyataan yang benar tentang kejayaan Sekolah Kampung Budi kecuali
- A Wakil Pidato Diraja berjaya menduduki tempat kedua peringkat negeri
B Penyertaan bola sepak hanya di peringkat luak sahaja
C Pasukan badminton lelaki lebih berjaya daripada pasukan perempuan
D Pasukan kuiz kesihatan berjaya menduduki tempat ketiga di peringkat daerah

Soalan 16 hingga soalan 20

Fahami peta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



- 16** Pekerjaan penduduk-penduduk di kawasan ini adalah seperti berikut kecuali
- A** guru
 - B** pelombong
 - C** penternak ayam
 - D** penoreh getah
- 17** Perkhidmatan keretapi diperlukan di kawasan ini kerana terdapatnya sektor
- A** perladangan dan perlombongan
 - B** perindustrian dan peladangan
 - C** perlombongan dan perindustrian
 - D** pembalakan dan perlombongan
- 18** Pilih kenyataan yang benar berpandukan peta di atas.
- A** Pejabat pos terletak di bahagian timur.
 - B** Jalan Datuk Menteri adalah jalan utama ke Kuantan
 - C** Jalan Pelabuhan hanya untuk pergi ke pelabuhan
 - D** Kompleks sukan adalah untuk kegunaan penduduk beriadah
- 19** Di manakah kedudukan kompleks sukan dari Taman Seri Setia?
- A** Barat daya
 - B** Timur laut
 - C** Barat laut
 - D** Tenggara
- 20** Prasarana yang terdapat di kawasan ini adalah
- A** jalan raya dan jejantas
 - B** jalan keretapi dan taman permainan
 - C** jalan raya dan jalan keret api
 - D** masjid dan kompleks sukan

Soalan 21 hingga soalan 33

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi ke tempat kosong dalam ayat di bawah.

21 Nelayan-nelayan itu _____ sebakul ikan di jeti untuk dipasarkan kepada peraih.

- | | |
|-------------|-------------|
| A memapah | C mengandar |
| B membimbit | D menarik |

22 Ujian lisan diadakan untuk menguji _____ murid-murid berkomunikasi.

- | | |
|-------------|--------------|
| A kecekapan | C kemahiran |
| B kefasihan | D kelancaran |

23 Puan Khatijah meletakkan dua _____ timun di dalam setiap bungkus nasi lemak itu.

- | | |
|---------|----------|
| A ketul | C hiris |
| B pucuk | D potong |

24 Zurina menghadihkan suaminya dua _____ pewangi dan se _____ tali leher sempena hari lahirnya.

- | | |
|-------------------|-------------------|
| A keping ... utas | C tin ... helai |
| B botol ... utas | D botol ... helai |

25 Dia mengurut-ngurut kakinya yang _____ akibat bermain bola petang semalam.

- | | |
|----------|----------|
| A keras | C cekang |
| B tegang | D kejang |

26 Pemidato yang _____ berhujah itu telah berjaya memukau penonton dengan hujah-hujahnya yang mantap dan bernas.

- | | |
|----------|----------|
| A petah | C panas |
| B lancar | D rancak |

27 Rusdi sangat aktif dalam persatuan belia di kampungnya _____ dia telah dilantik menjadi pengerusi persatuan belia.

- A Oleh sebab itu
- B Di samping itu
- C Namun begitu
- D Kalau begitu

28 Susu adalah minuman yang baik untuk kesihatan _____ anak-anak patut meminum susu setiap hari.

- | | |
|----------------------|----------------------|
| A Walau bagaimanapun | C Oleh yang demikian |
| B Di samping itu | D Namun demikian |

29 Sani _____ apabila ditanya sama ada hendak mengikut bapanya ke Australia atau tinggal bersama neneknya.

- A berbelah bagi
- B banyak lemak

- C berdolak dalik
- D berbesar hati

30 Dia sering mengatasi rakan-rakan sekelasnya dalam setiap mata pelajaran kerana dia

- A otak cair
- B berat tulang

- C ringan tangan
- D otak udang

Soalan 31 hingga soalan 33

Pilih perkataan yang sama erti dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah..

32 Pada lembaran akhir buku itu, ada senarai istilah-istilah yang penting.

- A keluaran
- B bab

- C lampiran
- D perenggan

33 Miza bergegas ke lapangan terbang untuk menyambut kepulangan ayahnya.

- A termengah-mengah
- B berasak-asak

- C berlari-lari
- D tergesa-gesa

Soalan 34 hingga soalan 35

Pilih perkataan yang sama erti dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah..

34 Bilakah kamu membeli kereta yang kamu gunakan sekarang?

- A Saya membelinya sebelum kenaikan harga kereta baru-baru ini.
- B Saya membelinya apabila disuruh oleh majikan saya.
- C Saya membelinya dari bapa saya.
- D Saya membeli kereta itu menerusi pinjaman yang diberikan oleh majikan saya.

35 Pemberita itu bertanya, "Sudah berapa lamakah kamu bergiat dalam permainan hoki?"

- A Sepanjang yang saya ingat, sudah hampir enam tahun.
- B Sudah enam tahun keluarga saya mendorong saya bergiat dalam permainan hoki.
- C Saya akan bergiat dalam permainan ini selama enam tahun lagi.
- D Sejak dahulu saya berminat dalam permainan hoki.

Soalan 36 hingga soalan 37

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

- 36 **A** “Kak kita balik dulu, biar Jimi tengokkan mak,” kata Ajwa.
B “Kak, kita balik dulu. Biar Jimi tengokkan mak,” kata Ajwa.
C “Kak. Kita balik dulu. Biar Jimi tengokkan mak,” kata Ajwa
D “Kak, kita balik dulu biar Jimi tengokkan mak,” kata Ajwa.
- 37 **A** Pasa Raya “Ocean” mengadakan jualan murah sempena ulang tahun pembukaannya yang ke10.
B Pasa Raya “Ocean” mengadakan jualan murah Sempena Ulang Tahun pembukaannya yang ke-10.
C Pasa Raya “Ocean” mengadakan jualan murah sempena ulang tahun pembukaannya yang ke-10.
D Pasa Raya “Ocean” mengadakan JUALAN MURAH sempena Ulang Tahun pembukaannya yang ke-10.

Soalan 38 hingga soalan 40

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

- 38 Majalah itu terpaksa dicetak berulang kali kerana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca.
A Pembaca terpaksa mencetak majalah itu berulang kali kerana mendapat sambutan yang menggalakkan.
B Sambutan yang menggalakkan daripada pembaca, menyebabkan majalah itu terpaksa dicetak berulang kali.
C Majalah itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca menyebabkan terpaksa dicetak berulang kali.
D Pembaca majalah itu mendapat sambutan yang menggalakkan menyebabkan terpaksa dicetak berulang kali.
- 39 “Nyahkau dari sini!” jerit Encik Siva kepada pengemis itu.
A Encik Siva memberitahu pengemis itu dengan lemah-lembut supaya dia pergi dari tempatnya.
B Encik Siva menjerit sekuat hatinya sambil membawa pengemis itu keluar dari tempatnya.
C Encik Siva mengusir pengemis dari tempat itu dengan nada suara yang tinggi.
D Encik Siva mengusir pengemis yang enggan pergi dari tempat itu dengan lantang.
- 40 Ketegasan ibu bapa dalam membentuk disiplin anak-anak amat wajar untuk melahirkan keluarga bahagia.
A Ketegasan ibu bapa untuk melahirkan keluarga bahagia dalam membentuk disiplin anak-anak amat wajar.
B Ketegasan dalam disiplin ibu bapa amat wajar untuk membentuk anak-anak melahirkan keluarga bahagia.
C Untuk melahirkan anak-anak bahagia, ketegasan ibu bapa dalam membentuk disiplin keluarga amat wajar.
D Dalam membentuk disiplin anak-anak untuk melahirkan keluarga bahagia, ketegasan ibu bapa amat wajar.

Soalan 41 hingga soalan 44

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

- 41** I Bapa memaut dahan jambu lalu mengambil buahnya.
II Adik duduk di atas katil lalu memaut sila.
III Sebelum hujan turun, Ani memaut daun jendela biliknya.
IV Abang memaut adiknya yang ketakutan dengan erat.
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- 42** I Pak Mat meneruskan kerja-kerja membajak sawah walaupun cuaca panas terik.
II Ali tidak selesa apabila memakai seluar yang terik itu.
III “Jangan terik tali penyidai itu, nanti putus.” Kata ibu kepada Ani.
IV Rumah-rumah rakit diikat dengan terik supaya tidak hanyut.
- A I dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 43** I Pasangan suami isteri itu sangat secocok.
II Kakak mengambil secocok sate yang terhidang di atas meja.
III Baju yang dipakai amat secocok dengan potongan badannya.
IV Pendapatnya mengenai kebaikan menabung memang secocok dengan saya.
- A II dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja
- 44** I Kemalangan sering berlaku di selekoh yang tajam.
II Walaupun budak itu kecil, tetapi fikirannya tajam.
III Air sungai itu mengalir dengan sangat tajam selepas hujan.
IV Abu merenung tajam ke arah Salina yang berdiri di hadapannya.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II dan IV

Soalan 45 hingga soalan 46

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 45** I Anak-anak muda hendaklah mahu berdikari dalam segala urusan.
II Kegagalan projek itu disebabkan oleh kekurangan modal pusingan.
III Pada hari raya pelbagai kuih-muih dihidangkan kepada para tetamu.
IV Jarinya sakit kerana pecah-pecah pada kulitnya.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

- 46 I Semua pelajar-pelajar diminta beratur sebelum masuk ke kelas.
 II Dia tersenyum sambil mengenyitkan matanya sebagai tanda setuju.
 III Jangan terlalu yakin dengan kebolehan yang kamu ada.
 IV Pendapatan bulan buruh binaan amat lumayan.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, II, III dan IV

Soalan 47 hingga soalan 48

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud tunggal.

- 47 I Mak Ngah mengumpulkan dedaun kering sebelum dibakar.
 II Pak Utih dan Mak Utih sedang berbual di bebalai.
 III Kekura itu terperangkap dalam jaring yang dipasang ayah.
 IV Encik Salim mengetam kayu di atas kekuda.
 A I, II dan III sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

- 48 I Batu-batan itu akan digunakan untuk membina tembok penghalang hakisan.
 II Sudah lima tahun Abang Azmi bertugas sebagai mata-mata di Balai Polis Jalan Setapak.
 III Osman mengecat kisi-kisi tingkap rumahnya.
 IV Epok-epok yang dibeli dari gerai Mak Ramlah sangat sedap.
 A I, II dan III sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

Soalan 49 hingga soalan 50

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud jamak.

- 49 I Bekas-bekas kecil itu disusun dengan kemas di atas almari.
 II Dedaun itu berguguran ditiup angin kencang.
 III Setiap petang datuk dannenek duduk-duduk sambil berbual-bual.
 IV Kakak belajar sulam-menyulam sementara menunggu keputusan peperiksaan.
 A I, II dan sahaja
 B II dan III sahaja
 C II dan IV sahaja
 D I, II, dan III sahaja
- 50 I Murid-murid digalakkan membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
 II Segala sindirannya yang sangat tajam masih terngiang-ngiang di telingaku.
 III Berkali-kali mereka diingatkan supaya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
 IV Berkotak-kotak buah limau ditempatkan di hadapan pasar raya menjelang sambutan Tahun Baru Cina.
 A I dan IV sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT